

21/04/1997

Lebih 10,000 dijangka hadir jamuan mesra

KEPALA BATAS, Ahad - Lebih 10,000 pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) dan rakyat pelbagai kaum di Pulau Pinang dijangka menghadiri majlis jamuan mesra pemimpin bersama rakyat sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di padang Sekolah Menengah Agama Al-Irshad Pokok Sena dekat sini, Selasa ini.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata jamuan terbesar itu adalah acara kemuncak sempena lawatan Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke Pulau Pinang pada hari berkenaan.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, berkata kerajaan negeri sudah menghantar kad jemputan kepada semua bahagian untuk menjemput pemimpin Umno di peringkat cawangan menghadiri jamuan itu.

Menurutnya, jamuan itu menunjukkan sokongan rakyat Pulau Pinang terhadap kepimpinan Perdana Menteri sempena lawatannya ke Pulau Pinang.

"Saya berharap semua cawangan yang menerima kad jemputan menghantar ahli ke majlis jamuan berkenaan yang dijangka bermula jam 2.30 petang yang akan disertai beberapa pemimpin kerajaan pusat dan negeri, termasuk Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isteri, Puan Sri Koh," katanya.

Katanya, kerajaan negeri juga mengatur jadual lawatan untuk Perdana Menteri sebaik saja beliau tiba di Pulau Pinang mulai jam 8.45 pagi.

Perdana Menteri dijadual melawat Bayan Bay Marina & Leisure Resort, merasmikan Lebu Raya Persisiran Pantai Pulau Pinang di Bayan Lepas, menghadiri majlis menandatangani perjanjian Lebu Raya Jelutong, merasmikan pembukaan bangunan baru kilang Unico Teknologi di Prai, dan melawat Penang Golf Resort di Bertam dekat sini.

Shariff berkata, Perdana Menteri dijangka bertolak balik ke Kuala Lumpur dengan pesawat khas dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Butterworth selepas menghadiri majlis jamuan pemimpin bersama rakyat.

(END)